



**SP PLAZA, SUNGAI PETANI  
KEDAH DARUL AMAN**

**KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA**

Sebutharga adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor **Bumiputera** yang berdaftar dengan **Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)** dan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM / CIDB)** di daerah Kuala Muda dan masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi kerja-kerja berikut :-

BIL.	NO. SEBUTHARGA	PROJEK	SYARAT PENDAFTARAN	TEMPAT BERKUMPUL	JAM	TARIKH LAWAT TAPAK
1.	1 / 2017 (SPT)	Kerja-Kerja Membaiki Longkang Pecah dan Jalan Rosak Hadapan SP Plaza, Sungai Petani, Kedah Darul Aman	CIDB  Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PKK)  Gred : G1  Kategori : CE  Pengkhususan CE01 dan CE21  Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)	Aras G, Ruang Legar Auditorium, Menara MPSPK	10.00 pagi	10 September 2017 (Ahad)

Lawatan tapak adalah **diwajibkan**. Kontraktor-kontraktor yang ingin menyertai sebutharga di atas hendaklah datang sendiri (**wakil tidak dibenarkan**) membawa bersama dokumen asal **Perakuan Pendaftaran Kontraktor** dan **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan** yang dikeluarkan oleh **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM / CIDB)** serta **Sijil Taraf Bumiputera** yang dikeluarkan oleh **Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)**.

**HARGA DOKUMEN : RM 10.60 SENASKAH (TUNAI)**

Dokumen tawaran ini boleh didapati dari **Pejabat Pengurusan Kompleks SP Plaza, Aras 1** mulai **10 September 2017 (Ahad)** pada hari dan waktu seperti di bawah :-

**Ahad – Rabu** : 8.15 pagi hingga 12.45 tengah hari  
2.15 petang hingga 4.45 petang  
**Khamis** : 8.15 pagi hingga 12.45 tengah hari  
2.15 petang hingga 3.15 petang

Kontraktor dikehendaki membawa dokumen asal **Perakuan Pendaftaran Kontraktor** dan **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan** yang dikeluarkan oleh **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM / CIDB)** serta **Sijil Taraf Bumiputera** yang dikeluarkan oleh **Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)** serta **satu salinan** semasa membeli dokumen sebutharga.

Tarikh tutup sebutharga ialah pada **17 September 2017 (Ahad)** jam **12.00 tengah hari**. Dokumen tawaran sebutharga yang lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri / bermeteri nama tawaran dan dimasukkan ke dalam peti sebutharga di alamat **Yang DiPertua, Majlis Perbandaran Sungai Petani, Menara MPSPK, Jalan Patani, 08000 Sungai Petani, Kedah Darul Aman**.

**Pihak kerajaan tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah sekali daripada mana-mana tawaran.**